



Nik Salida
Suhaila
Nik Saleh

Siddiq asas bina perilaku insan terbilang

Islam benci pembohongan, melainkan dalam keadaan sangat terdesak untuk niat kebaikan

DALAM dunia yang serba mencabar hari ini, manusia bukan saja boleh menipu orang lain malah berdusta kepada diri sendiri. Ada yang sanggup berpura-pura alim tetapi menyekutukan Allah.

Ada pula menonjolkan peribadi Muslim sejati tetapi sebenarnya untuk mengaburkan mata orang ramai daripada mengetahui hakikat kehaiwanan diri mereka.

Namun, sifat siddiq atau benar adalah asas kemuliaan serta gambaran tingkah laku yang bersih dan suci manakala sifat berdusta berlawanan dengannya.

Sifat benar adalah satu daripada sifat Allah seperti disebut dalam surah al-Nisa', ayat 87 yang bermaksud: "*Dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya selain dari Allah?*"

Jenis sifat siddiq iaitu benar pada lidah dengan menyampaikan sesuatu berita dengan benar, niatnya juga benar; tidak terdorong untuk berbuat baik melainkan kerana Allah, benar pada azam dan cita-cita iaitu tidak teragak-agak menunaikan apa yang dihasratkan.

Benar pada janji dan amanah, iaitu tidak memungkir janji adalah komponen sifat yang termasuk dalam diri seorang Muslim yang beriman.

Sifat benar adalah sifat yang

memberi ketenangan kepada jiwa yang mulia dan sifat mereka-reka cerita serta berbohong akan menjadikan hati gelisah serta kebingungan.

Banyak contoh berlaku dalam masyarakat hari ini menggambarkan seseorang itu gelisah dan tidak keruan disebabkan pembohongan yang dibuat.

Muslim yang baik tentunya tahu bahawa semua perbuatannya akan dipertanggungjawabkan ke atasnya nanti di mahkamah Allah dan tahu dirinya selalu diawasi Allah kerana setiap amal mempunyai catatan dan nilai di sisi-Nya.

Ia selalu berusaha untuk jujur dan benar dalam segala perbuatannya, bahkan memilih diam daripada mengucapkan sesuatu yang tidak baik, merugikan diri sendiri serta orang lain.

Allah berfirman yang bermaksud: "*Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat yang sentiasa sedia (mencatatnya).*"

Abul Laits meriwayatkan dengan sanadnya dari Shafwan bin Sulaim, Rasulullah SAW ditanya, "Adakah seseorang Muslim itu penakut? Jawab Nabi SAW: Mungkin.

Baginda ditanya lagi: Adakah mungkin ia bakhil? Nabi SAW menjawab: Mungkin. Ditanya lagi: Ada-

kah mungkin ia dusta? Jawab Nabi SAW: Tidak."

Dengan tidak mengiktiraf orang yang berdusta atau berbohong sebagai seorang Muslim tentulah kita dapat gambarkan betapa bencinya Rasulullah SAW kepada umatnya yang berdusta kerana pembohongan dapat memutuskan ikatan silaturahim, memecahbelahkan masyarakat, meruntuhkan institusi kekeluargaan, merobohkan keutuhan organisasi serta menggoncang keimanan.

Walaupun demikian, kejujuran terkadang boleh menjadi sesuatu yang tidak dianjurkan dalam Islam, jika kejujuran tidak membawa masalah yang mulia, sebaliknya mendatangkan mudarat lebih besar. Dalam hal ini, dusta dibolehkan, bahkan ia menjadi wajib untuk dilakukan.

Walau bagaimanapun, ada syarat tertentu yang membolehkan pendustaan. Jika sesuatu yang mulia ingin dilakukan dan ia dapat diraih atau dicapai tanpa berdusta atau berbohong, maka berdusta pada saat itu hukumnya haram.

Tetapi jika sebaliknya, iaitu tidak ada cara lain yang dapat mencapai tujuan mulia dan terpuji serta kebaikan lebih besar melainkan dengan berdusta, maka dusta pada keadaan seperti itu dibolehkan.

Bahkan ulama menjelaskan hukum dibolehkan berdusta iaitu jika maksud yang ingin dicapai adalah sesuatu yang harus, maka dusta saat itu hukumnya adalah harus. Sedangkan jika maksud yang ingin dicapai adalah sesuatu yang wajib maka dusta saat itupun menjadi wajib.

Tetapi sebahagian ulama antaranya al-Imam an-Nawawi dan Syaikh Ibnu Utsaimin berpendapat sikap lebih hati-hati dan lebih utama dalam hal ini adalah mengungkapkan suatu maksud yang benar dan tidak berdusta jika disandarkan kepada maksudnya walaupun ia berdusta daripada zahir lafaznya.

Antara contoh yang boleh dilihat ialah dalam hadis riwayat Bukhari ketika Rasulullah SAW membongong Abu Bakar di atas kenderaan sahabat Baginda.

Ada seseorang yang bertanya kepada Abu Bakar di tengah perjalanan mengenai Rasulullah SAW, beliau mengatakan: "*Ini adalah seorang penunjuk jalanku.*"

Maka orang yang bertanya menganggap bahawa jalan yang dimaksudkan adalah makna haqiqi, padahal yang dimaksudkan oleh Abu Bakar adalah jalan kebaikan, semata-mata demi kemaslahatan Rasulullah SAW daripada ancaman musuh Baginda.

Sabda Rasulullah SAW dalam hadis Ummu Kultsum, sesungguhnya ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "*Tidaklah dikatakan pendusta orang yang mendamaikan manusia (yang berseteru), melainkan apa yang dikatakan adalah kebaikan.*" (Muttafaq 'Alaih)

Justeru, apabila berurusan, hendaklah kita pastikan kita menjauhi pembohongan baik melalui perkataan mahupun perbuatan kerana ia boleh menggugat nama baik agama dan umat Islam seluruhnya.

Islam bukanlah agama yang menganjurkan penipuan, melainkan dalam keadaan yang sangat terdesak dan menjauhi kemudaratan yang besar.

Alangkah indahnya dunia jika Islam terus berkibar dan megah di mana-mana, umat Islam menunjukkan jiwa Islam sebenar, bukan berbalah dan berdusta asalkan menang dalam bicara, sebaliknya menegakkan kebenaran dengan berpaksikan al-Quran dan al-Hadis semata-mata, bukan yang lainnya.

Penulis ialah penuntut Ijazah Doktor Falsafah Undang-Undang, Universiti Keele, United Kingdom dan Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)